

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR  
BIN MUSA  
[ KETEREH – BN ]**

**TARIKH : 21 MEI 2015 (KHAMIS)**

**SOALAN (NO. 32)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah peranan Kementerian dalam memajukan Liga Bola Sepak Malaysia dan apakah tindakan Kementerian dalam usaha memperbaiki ranking FIFA Pasukan Bola Sepak Kebangsaan.

SULIT

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tugas untuk membangunkan sukan bola sepak adalah di bawah tanggungjawab Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM). Walau bagaimanapun Kerajaan melalui Kementerian Belia Dan Sukan banyak membantu dalam aspek pembangunan dan kewangan dalam meningkatkan lagi keberkesanan program pembangunan bola sepak negara.
2. Dalam usaha untuk memajukan Liga Bola Sepak Malaysia, Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) yang berperanan penuh dalam mencorakkan suasana pertandingan bola sepak di negara kita sedang melaksanakan penswastaan Liga Bola Sepak Malaysia yang akan bermula pada tahun 2016. Kementerian sentiasa menyokong program-program yang diyakini boleh meningkatkan prestasi sukan bola sepak negara.
3. Untuk memperbaiki ranking bola sepak kebangsaan, sebagai langkah jangka pendek, Kementerian berharap pihak Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dapat mengkaji semula pemilihan pasukan-pasukan yang akan dihadapi bagi perlawanan persahabatan antarabangsa sama ada untuk tujuan pendedahan kepada pemain atau pun untuk meningkatkan semula *ranking* bola sepak negara.

## SULIT

4. Manakala bagi perancangan jangka masa panjang, Kementerian Belia Dan Sukan telah pun menyediakan satu Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN), yang bertujuan untuk memastikan pembangunan pemain, kejurulatihan, kemudahan dan pertandingan dilaksanakan secara berterusan diperingkat akar umbi. Sasaran utama PPBN ini adalah untuk menyediakan satu landasan bagi mengilap bakat pemain-pemain yang berumur antara 7 sehingga 17 tahun ke arah melahirkan wira bola sepak negara dan memartabatkan pasukan kebangsaan satu hari nanti. PPBN ini juga akan dijadikan tapak penyediaan pemain-pemain yang mampu bersaing di Kejohanan **Piala Dunia Remaja bawah 17 tahun** pada **tahun 2019**.

Sekian, terima kasih.